

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID
(KUALA LANGAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.11.2017

**Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA
LANGAT]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan permohonan
MTUC untuk menambah 0.7% ke atas semua pencarum sedangkan
dimaklumkan KWSP mencapai keuntungan bagi tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kadar dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah
diisytiharkan pada tahun 2016 adalah sebanyak 5.7 peratus
berbanding 6.4 peratus pada tahun 2015 dan pihak MTUC (*Malaysian
Trades Union Congress*) telah memohon untuk menambah 0.7 peratus

daripada kadar 5.7 peratus tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengisytiharan dividen KWSP setiap tahun adalah seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 27, Akta KWSP 1991 yang mana pembayaran dividen adalah berdasarkan amaun pendapatan yang diperoleh dalam sesuatu tahun dengan jaminan pembayaran dividen sekurang-kurangnya 2.5 peratus bagi sesuatu tahun kewangan.

Adalah menjadi amalan bagi KWSP untuk mengisytiharkan kadar dividen berdasarkan prestasi sebenar pelaburan dan mengagihkan kesemua pendapatan yang dijana pada tahun laporan. Pada tahun 2016, KWSP mencatat pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM46.56 bilion. Setelah ditolak rosot nilai bersih ke atas aset kewangan serta mengambil kira kerugian tidak nyata disebabkan kadar tukaran mata wang asing, perbelanjaan pelaburan dan operasi, caj berkanun dan dividen atas pengeluaran, pendapatan pelaburan bersih KWSP adalah sebanyak RM37.08 bilion dan ianya telah diagihkan sebagai dividen kepada ahli KWSP. Ini adalah bersamaan dengan kadar dividen 5.7 peratus yang mana KWSP perlu menjana RM6.5 bilion pendapatan pelaburan bagi setiap 1 peratus dividen yang ditetapkan.